

TARIKH : 7 /10/2022

SURAT KHABAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

# Kadar pencen minimum skim ilat dinaikkan

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) semalam, mengumumkan pelarasan kos sara hidup bagi bayaran faedah berkala dan kenaikan kadar pencen minimum skim keilatan berkuat kuasa 1 Januari 2023.

Kadar pelarasan kos sara hidup bagi penerima faedah berkala PERKESO adalah di antara 0.7 peratus sehingga 9.4 peratus (maksimum RM305) mengikut tahun pencen diterima, manakala kenaikan kadar pencen minimum mengikut Skim Keilatan, Akta 4 akan ditingkatkan daripada kadar sedia ada sebanyak RM475 kepada RM550 sebulan.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata

kadar kenaikan bagi bayaran faedah berkala berbeza antara penerima berikutan kadar pelarasan adalah mengikut tahun faedah diterima oleh penerima terbabit.

Katanya, faedah PERKESO mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) yang dibayar secara berkala merangkumi Pencen Ilat dan Pencen Penakat menerusi Skim Keilatan, manakala Faedah Hilang Upaya Kekal dan Faedah Orang Tanggungan di bawah Skim Bencana Pekerjaan.



M Saravanan

Skim Keilatan dan 12 kali di bawah Skim Bencana Pekerjaan,” katanya pada sidang media berhubung pelarasan skim PERKESO di sini, semalam.

“Pelarasan bayaran faedah berkala PERKESO dijangka memberi manfaat kepada lebih 400,000 penerima faedah sedia ada dengan anggaran perbelanjaan berjumlah RM213 juta.

“Sehingga kini, pelarasan kos sara hidup bagi bayaran faedah berkala PERKESO sudah dibuat 10 kali menerusi

Hadir sama, Pengerusi PERKESO, Datuk Seri Subahan Kamal dan Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Saravanan berkata, pelaksanaan kenaikan kadar pencen minimum mengikut Skim Keilatan, Akta 4 pula akan ditingkatkan daripada kadar sedia ada sebanyak RM475 kepada RM550 sebulan.

“Peningkatan kadar pencen minimum ini dijangka memafaatkan kira-kira 56,000 isi rumah di negara ini dalam membantu menangani kenaikan kos sara hidup menerusi peruntukan kewangan sebanyak RM21

juta,” katanya.

Saravanan berkata, pelaksanaan inisiatif itu lanjutan daripada Kajian Penilaian Aktuari ke-11 oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

“Ia mengambil kira keadaan sosial dan ekonomi semasa di Malaysia yang terkesan akibat pandemik COVID-19, peningkatan kos sara hidup dan juga kenaikan kadar inflasi.

“Sehubungan itu, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia dan agensinya, PERKESO berharap inisiatif ini akan dapat meringankan beban kewangan Keluarga Malaysia pasca pandemik COVID-19,” katanya.